



INFO

- 21,000 suku Orang Asli Temiar menetap di hutan Gua Musang
- Terdapat 21 pos menempatkan puluhan kampung kecil

Suku Temiar

- Rumpun teramai adalah di Gua Musang, Kelantan
- Menyara kehidupan dengan bercucuk tanam, memburu dan mencari tumbuhan hutan
- Pemilihan penempatan ditentukan tok batin, menerusi

Suku Temiar rayu henti kegiatan pembalakan

BH
23/4/2016

MIS 14

- berhalaq (jampi atau mimpi)
- Tidak membina penempatan di kawasan berpaya, air terjun dan sungai besar
- Jawatan Tok Batin diwarisi mengikut keturunan

• Kawasan penempatan Orang Asli terjejas akibat pembalakan tidak terkawal di Gua Musang

Kawasan hutan yang diteroka sehingga menjejaskan ekosistem di sekitar Pos Gob

4 jam perjalanan melalui jalan balak

Sungai Galas

Bandar Baru Gua Musang

Kg Tanah Puteh

Gua Musang

» Penebangan pokok lenyap khazanah hutan, hilang sumber keperluan asas

► Kuala Lumpur

Masyarakat Orang Asli dari suku Temiar merayu supaya kegiatan pembalakan di kawasan penempatan mereka di Kampung Berig dan Kampung Jader, Gua Musang, Kelantan dihentikan segera.



Menurut Pengerusi Pemuda Ja-

ringan Kampung Orang Asli Kelantan, Dendi Johari penebangan hutan berleluasa akibat pembalakan bukan saja melenyapkan khazanah hutan tetapi juga menyebabkan masyarakat di situ kehilangan sumber keperluan asas, identiti dan adat resam.

Berikut adalah surat beliau yang dihantar menerusi e-mel kepada Pengarang BH.



Dendi di kawasan pembalakan haram di sekitar Kampung Berig.



Kampung Pos Goh
sebelum diterokai
oleh pembalok haram.

Kawasan pembalakan
di sekitar Kampung Berig
yang terletak 3 jam
perjalanan melalui jalan
balak dari Gua Musang.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online

Tuan Pengarang yang dihormati,

Nama saya Dendi Johari dan saya adalah orang suku Temiar. Nenek moyang saya sudah duduk bergenerasi di kawasan hutan Kelantan sebelum kedatangan orang Melayu, Cina dan India ke Tanah Melayu.

Tujuan saya menulis surat ini ialah untuk merayu kepada rakyat Malaysia untuk membantu kami menghentikan kemusnahan hutan.

Sejak kebelakangan ini, hutan di daerah Gua Musang banyak ditebang. Kami mengalami kesulitan dan penderitaan yang amat sangat akibat penebangan hutan berleluasa sampai mengakibatkan pencemaran air, kehilangan khazanah hutan, tanah adat dan mata pencarian kami.

Hutan itu sangat penting untuk kehidupan dan adat Orang Asli. Ia tempat kediaman kami, tempat kami mencari makanan seperti buruan, tumbuhan dan ubat-ubatan, ia tempat kami mendapatkan air untuk minum

dan membersihkan, dan tempat kami beribadah.

Ia juga tempat perkuburan nenek moyang kami. Pendek kata, tanpa hutan dan alam semula jadi, kami akan kehilangan bukan sahaja keperluan asas, tetapi identiti dan adat resam kami.

Semalam, saya menerima panggilan daripada syarikat pembalakan yang sedang kami buat rundingan sejak beberapa bulan. Tauke balak itu mengancam saya bahawa dia akan membawa polis jika kami cuba untuk menghalang mereka daripada menebang pokok.

Syarikat pembalakan itu telah diberi kelulusan oleh Menteri Besar Kelantan untuk menebang 400 ekar hutan asli di kawasan Kampung Berig kira-kira 3 jam jalan balak dari Gua Musang. Tanah pusaka dan kawasan buruan kami termasuk dalam kawasan itu.

Kami telah cuba membuat beberapa sekatan untuk menghalang pencerobohan ke dalam tanah adat kami untuk melambatkan usaha mereka.

Terdapat satu lagi syarikat pembalakan yang telah diberi konsesi pembalakan untuk 1,000 ekar (400 hektar) di sekitar kampung saya, iaitu Kampung Jader, Gua Musang.

Kami cuba untuk menghentikan pembalakan tetapi gagal. Setiap hari, kami menangis melihat beratus-ratus pohon yang berusia beratus, bahkan beribu tahun dengan ketebalan batangnya lebih besar daripada ketinggian saya dibawa keluar oleh traktor dan lori.

Apabila pokok-pokok ditebang, tanah menjadi berlumpur merah bila musim hujan dan kering berdebu bila musim panas. Tidak ada apa-apa yang boleh hidup di atasnya.

Hutan itu bukan sahaja penting untuk Orang Asli, bahkan satu khazanah ciptaan Tuhan untuk manusia sejagat. Tanpa hutan, kita akan kehilangan tempat tadahan air. Apabila kemarau, sungai akan kering, justeru itu aras empangan air akan jatuh ke aras di mana kita terpaksa membuat catuan air.

Hutan juga tempat perlindungan pelbagai spesies flora dan fauna. Di dalam hutan tersembunyi herba-herba ubatan yang mampu menjadi penawar untuk pelbagai jenis penyakit kecuali kematian. Jika hutan itu dimusnahkan, kita akan kehilangan segala khazanah yang diberikan oleh Tuhan kepada kita.

Tahun-ini, kami menderita kerana kepanasan dan kemarau. Terlalu sedikit air sungai untuk keperluan kami. Sungai kami banyak dicemari oleh ledak-ledak dari penebangan hutan dan pemotongan bukit-bukau, serta racun perosak dan racun herba yang mengalir ke sungai dari estet kelapa sawit selepas hujan.

Ramai antara anak-anak kami dan orang yang lebih berusia telah jatuh sakit akibat minum air sungai yang tercemar. Penebangan hutan yang berleluasa juga mengakibatkan banjir, seperti banjir besar di Kelantan tahun lepas. Beribu-ribu orang kehilangan rumah serta menga-

lami kemusnahan harta benda bernilai berjuta-juta ringgit.

Sebagai pemimpin belia masyarakat saya, saya pergi ke Putrajaya untuk cuba mendapatkan bantuan daripada JAKOA (Jabatan Kemajuan Orang Asli) tetapi malangnya menurut JAKOA, mereka tiada kuasa untuk menghalang pembalakan.

Dalam perjalanan ke Putrajaya, saya melihat jerebu telah kembali. Ini juga asap daripada pembakaran hutan. Di mana-mana sahaja manusia memotong dan membakar hutan.

Adakah manusia tidak memahami bahawa banjir, kemarau dan jerebu adalah akibat daripada kemusnahan hutan? Adakah manusia tidak melihat kita sedang memusnahkan khazanah alam semula jadi kita apabila kita menebang hutan?

Saya, sebagai mewakili kaum saya, memohon dengan tulus ikhlas agar pihak berkuasa menghentikan kemusnahan ini.

Sekian terima kasih.
DENDI A/L JOHARI

“
Kami cuba untuk menghentikan pembalakan tetapi gagal. Setiap hari, kami menangis melihat beratus-ratus pohon yang berusia beratus, bahkan beribu tahun dengan ketebalan batangnya lebih besar daripada ketinggian saya dibawa keluar oleh traktor dan lori”

“
Hutan itu bukan sahaja penting untuk Orang Asli, bahkan satu khazanah ciptaan Tuhan untuk manusia sejagat. Tanpa hutan, kita akan kehilangan tempat tadahan air. Apabila kemarau, sungai akan kering, justeru itu aras empangan air akan jatuh ke aras di mana kita terpaksa membuat catuan air”

“
Adakah manusia tidak memahami bahawa banjir, kemarau dan jerebu adalah akibat daripada kemusnahan hutan? Adakah manusia tidak melihat kita sedang memusnahkan khazanah alam semula jadi kita apabila kita menebang hutan?